




Syed Hamid **menampal pelekat nombor talian aduan baharu SPAD** pada teksi di Terminal Bersepadu Selatan, Bandar Tasik Selatan. [FOTO YONG CHEE CHOONG | BH]


SPAD buka saluran aduan baiki mutu pengangkutan awam

B/H 25/12/12
MS 28

 Sebagai pengguna pengangkutan awam, di manakah saluran untuk kami membuat aduan jika perkhidmatan diberikan tidak memuaskan.

Carol Tan

Kuala Lumpur

 Sejak 1 November lalu, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sudah membuka saluran aduan pengguna serta pelekat kenderaan pengangkutan awam baru bagi menambah baik mutu pengangkutan awam.

Selain talian *hotline*, orang ramai boleh membuat aduan menerusi e-mel, *Twitter* atau laman web SPAD dan mereka boleh menyemak status aduan selepas berjaya menghantar secara dalam talian. Jadi, sebarang maklumat berhubung pengang-

“

*Nombor talian aduan baru menggantikan nombor aduan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) pula **dipamerkan pada setiap pelekat baru pengangkutan awam yang wajib dipamerkan sebelum mula dikuat kuasa pada 1 Jun tahun depan**”*

kutan awam darat boleh disalurkan menerusi talian hotline 1-800-88-SPAD (7723), e-mel (aduan@spad.gov.my), *Twitter* (@aduanTwitter) atau laman web www.spad.gov.my

Kita berharap orang ramai menggunakan sepenuhnya saluran aduan itu untuk menyalurkan maklumat berkaitan dan akan menyiasat serta mengambil tindakan setiap maklum balas bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam.

Nombor talian aduan baru menggantikan nombor aduan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) pula dipamerkan pada setiap pelekat baru pengangkutan awam yang wajib dipamerkan sebelum mula dikuat kuasa pada 1 Jun tahun depan.

Tan Sri Syed Hamid Albar

Pengerusi SPAD